

**1****BAB**

# KONSEP KEUSAHAWANAN

## DEFINISI KEUSAHAWANAN

Dalam bahasa Inggeris, terminologi usahawan merujuk kepada 'entrepreneur' yang berasal daripada perkataan Perancis, 'entre' (masuk), 'pre' (sebelum) dan 'neur' (pusat gerakan), iaitu merujuk kepada individu yang memasuki bidang perniagaan tepat pada waktunya. Ada pandangan menyatakan terminologi usahawan mula dibincangkan oleh Richard Cantillon (1732) iaitu seorang ahli ekonomi Perancis melalui artikelnya yang bertajuk *Essai Sur la Nature du Commerce en Général*. Beliau merujuk istilah usahawan (*entrepreneur*) kepada 'entreprendre' iaitu perkataan yang dipinjamkan daripada bahasa Perancis. Dalam perbincangan tersebut, beliau membahagikan aktiviti ekonomi kepada tiga komponen utama iaitu pemilik tanah, pengusaha dan penyewa perkhidmatan. Usahawan akan membeli suatu barangan pada harga tertentu, kemudian menjualnya kembali pada harga yang tidak menentu. Dalam erti kata lain, mereka cuba melakukan kerja sendiri yang berhadapan dengan risiko dari segi pulangan.

Berdasarkan idea yang dikemukakan tersebut, terdapat pelbagai definisi dan konsep yang merujuk kepada usahawan telah dikembangkan oleh sarjana daripada pelbagai bidang. Sarjana ekonomi telah mentakrifkan usahawan sebagai pengambil risiko, mencipta peluang (Lang Lois, 2001) terhadap sesuatu pekerjaan yang dilaksanakannya. Jean-Baptiste Say (1855) adalah antara sarjana ekonomi yang terawal mengembangkan konsep usahawan sebagai individu yang memiliki karisma sebagai seorang ketua (Jean-Baptiste Say, 1855), berkebolehan dalam pengurusan serta menjadikan sesuatu yang diusahakan lebih bernilai dan berkembang dengan

maju. Kemudian istilah komersil tersebut dikembangkan lagi kepada seseorang individu yang berkeupayaan meneroka sesuatu yang baru dan peka terhadap ruang yang ada serta menggunakan sumber yang dimiliki (Vesper, 1990) dengan secara maksimum melalui daya kreativiti dan inovasi untuk mendapat pulangan yang tinggi. Manakala perbincangan asas mengenai usahawan lebih berkisar mengenai cara usahawan dimotivasikan untuk mempengaruhi persekitaran, mengawal risiko dan memperolehi keuntungan (Forsyth, 2005) memandangkan mereka adalah golongan yang perlu membuat perubahan dan pembaharuan melalui inovasi serta berusaha menggabungkan faktor-faktor buruh, material dan faktor lain untuk menjadikannya lebih bernilai (Vesper, 1990).

Dalam konteks pengurusan, Drucker (1985) menyatakan usahawan bukan seorang agen perubahan, tetapi personaliti tersebut lebih kepada seorang yang mengambil peluang dan menggunakan kesempatan tersebut dengan sepenuhnya hasil daripada perubahan yang berlaku. Menurut sarjana psikologi pula, perbincangan mengenai usahawan lebih fokus kepada trait personaliti atau ciri-ciri individu (Forsyth, 2005) di mana usahawan lebih terdorong oleh kuasa tertentu seperti keinginan terhadap sesuatu keperluan, proses pembelajaran berterusan atau mengelak daripada kongkongan orang lain (Vesper, 1990). Dalam erti kata lain, para pengkaji juga ingin mengetahui bagaimana cara para usahawan berjaya itu mengatribusikan kejayaan mereka. Pemahaman tersebut adalah selari dengan ciri-ciri asas usahawan iaitu suka mengambil risiko, berkeinginan membuat keuntungan dan berinisiatif untuk menghasilkan sesuatu yang baru (Drucker, 1985).

Carland *et al.* (2007) dalam *Differentiating Entrepreneurs From Small Business Owner: A Conceptualizations*, telah merumuskan definisi usahawan daripada sarjana yang mewakili pelbagai bidang kepakaran seperti dalam Jadual 1.1 berikut: